

17 DEC 1997

Nik Aziz-Geran

KELANTAN TERIMA GERAN, ROYALTI DARI PUSAT DAN TNB

KOTA BAHARU, 17 Dis (Bernama) -- Kerajaan Kelantan pimpinan Pas hari ini menerima geran berjumlah RM114.6 juta daripada Kerajaan Pusat dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM110 juta adalah geran pembayaran wajib tahunan daripada Kerajaan Pusat manakala baki RM4.6 juta ialah wang pampasan daripada pembinaan projek empangan Pergau oleh TNB.

"Alhamdulillah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak di atas pembayaran itu terutama daripada Kementerian Kewangan dan sekarang ini tinggal baki yang belum dibayar sebanyak RM3 juta lagi," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Pengerusi Eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali ketika ditemui selepas penyerahan cek itu berkata, pembayaran itu adalah yang terakhir daripada jumlah keseluruhan pampasan yang perlu dibayar kepada kerajaan negeri iaitu sebanyak RM7 juta kerana pemindahan batu-batan semasa projek itu.

Ahmad berkata, pembayaran kali ini agak terlewat sedikit daripada jadual asal kerana masalah tertentu yang melibatkan pihaknya dan kerajaan negeri.

Ketika Nik Aziz ditanya sama ada pembayaran itu ada kaitan dengan pertemuannya bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi baru-baru ini, beliau berkata, andaian itu sebagai "kemungkinan" sahaja tetapi kebijaksanaan dalam berpolitik merupakan ciri utama bagi pembayaran itu.

Sementara itu Nik Abdul Aziz berkata, mesyuarat Exco hari ini memutuskan supaya gaji bulanan beliau dan timbalannya, Halim Abdul Rahman dipotong sebanyak 10 peratus bagi membantu kerajaan menangani masalah kejatuhan ekonomi sekarang ini.

Pemotongan itu juga akan melibatkan gaji anggota Exco sebanyak lima peratus dan anggota Dewan Undangan Negeri termasuk daripada anggota pembangkang, Barisan Nasional (BN) sebanyak 1 peratus, katanya.

Kesemua pemotongan itu akan berkuatkuasa pada Januari tahun depan dan turut melibatkan kakitangan pelbagai jawatan di agensi-agensi kerajaan negeri, katanya.

Bagaimanapun pemotongan gaji kakitangan itu akan dibuat selepas pertimbangan dalam pelbagai aspek dilakukan.

Sementara itu, Nik Abdul Aziz meminta semua Jabatan Kesihatan Daerah di negeri ini memaklumkan terlebih dahulu kepada Pegawai Perhutanan Negeri sekiranya ingin membina takungan air untuk masyarakat di kawasan hutan milik kerajaan negeri, supaya tidak timbul sebarang masalah selepas pengeluaran lesen pembalakan. -- BERNAMA

ZI PR